



جائزہ کما سیمز شریعتہ کرمی و لا فینع

KETUA HAKIM SYARIE

No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang
Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427
Laman Web: <http://www.penang.gov.my/jabatan/Mah.Syariah/index.html>



Rujukan kami : JKSP.600-1/3/1 (13)

Tarikh : 25 Mac 2015

4 Jamadil Akhir 1436H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar
Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 5 TAHUN 2015
PENGENDORSAN PERJANJIAN PENYELESAIAN
TANPA KEHADIRAN SALAH SATU PIHAK**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Pegawai Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 1 Tahun 2015 pada 27 Februari 2015 telah bersetuju dan memutuskan bahawa Mahkamah boleh mengendorskan Perjanjian Penyelesaian tanpa kehadiran salah satu pihak dengan syarat pihak yang tidak hadir itu membuat perakuan persetujuan melalui:

1. Ikrar Afidavit dihadapan Hakim Syarie atau Pendaftar;
2. Pengakuan dihadapan 2 orang saksi; atau
3. Afidavit melalui sidang video atau apa-apa aplikasi lain yang dibenarkan oleh Mahkamah.



NO. PENDAFTARAN: AR 3103



Kaedah pelaksanaan pentadbiran Afidavit melalui sidang video atau apa-apa aplikasi lain yang dibenarkan oleh Mahkamah hendaklah dirujuk kepada Arahan Amalan No. 5 Tahun 2014.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”

“ SYARIAH ASAS KEADILAN”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN DSPN., SAP., PJK.)

Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang